

**MAJLIS MAKAN MALAM MERAIKAN TUAN YANG TERUTAMA KHAMTAY
SIPHANDONE PERDANA MENTERI REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT
LAOS**

SRI PERDANA, KUALA LUMPUR (K.L), 8 DISEMBER 1992

Saya bersama-sama isteri saya dengan sukacitanya mengalu-alukan kedatangan Tuan Yang Terutama dan Puan Siphandone serta ahli rombongan ke Malaysia. Kami berasa bangga pada malam ini kerana dapat meraikan Tuan Yang Terutama dalam kunjungan yang pertama ke Malaysia.

2. Sungguhpun Malaysia dan Laos adalah dua negara jiran dan telah mengadakan hubungan diplomatik semenjak tahun 1966 namun hubungan dua hala antara kedua-dua negara hanya berkembang semenjak beberapa tahun kebelakangan ini. Kunjungan Tuan Yang Terutama kali ini melambangkan permulaan satu era baru dalam hubungan antara kedua-dua negara. Dengan adanya hasrat dan tekad bersama untuk menegakkan kemerdekaan, keamanan dan kestabilan, kita akan dapat meningkatkan persefahaman dan kerjasama antara rakyat dan memperkukuhkan lagi hubungan antara kedua-dua negara. Meskipun lawatan Tuan Yang Terutama adalah singkat, namun ianya memberi peluang untuk kita berdua berkenal-kenalan dan memupuk hubungan kerja yang baik.

3. Pada petang tadi kita telah berkesempatan untuk bertukar-tukar fikiran berkenaan pelbagai perkara hubungan dua hala, isu-isu serantau dan antarabangsa. Perbincangan itu sungguh bermanfaat. Saya sesungguhnya percaya bahawa memang ada skop untuk memantap dan mengeratkan lagi hubungan antara Malaysia dan Laos. Peluang dan potensi untuk meningkatkan kerjasama antara kedua-dua negara dalam pelbagai bidang seperti perdagangan, pelaburan dan kebudayaan adalah luas. Usaha ini boleh kita pertingkatkan dari sekarang.

4. Dalam beberapa bulan yang lalu Malaysia dan Laos telah mencapai kemajuan dalam hubungan dua hala. Kedua-dua buah negara telah menaikkan taraf perwakilan diplomatik ke peringkat Duta Besar dan melantik Duta Besar masing-masing bermastautin di kedua-dua ibu negara.

5. Ini dengan sendirinya mencerminkan keazaman kita untuk bersama-sama menjalin hubungan yang lebih rapat lagi. Saya berasa gembira mendapati lebih ramai rakyat Malaysia kini melawat Laos. Sebahagian daripada mereka begitu aktif mencari peluang perniagaan dan pelaburan di sana. Saya berharap rakyat Laos juga akan membuka langkah yang sama dan datang melawat Malaysia untuk meneliti peluang-peluang yang ada di sini. Kedua-dua negara patut menggalakkan perjalinan hubungan yang lebih rapat di peringkat rakyat jelata.

6. Pada hari ini Malaysia dan Laos telah menandatangani tiga perjanjian iaitu Perjanjian Perkhidmatan Udara, Perjanjian Perlindungan Pelaburan dan Perjanjian Kerjasama Ekonomi, Saintifik dan Teknikal. Ini akan menjadi asas yang baik bagi meningkatkan kerjasama yang merangkumi pelbagai bidang di masa hadapan. Saya berharap perjanjian-perjanjian ini akan menjadi penggerak

kepada hubungan kerjasama ekonomi yang baik antara Malaysia dan Laos.

7. Malaysia telah mengikuti dengan penuh minat perkembangan-perkembangan positif yang berlaku di Laos. Pelaksanaan dasar yang memberi penekanan kepada ekonomi pasaran bebas pada mulanya mungkin menimbulkan beberapa kerumitan. Walau bagaimanapun, saya yakin Laos akan berjaya mengatasi masalah-masalah yang timbul dan mencapai objektif yang dicita-citakan. Saya difahamkan bahawa beberapa kejayaan telahpun dicapai semenjak Kerajaan Laos melaksanakan polisi ini. Malaysia pula sebagai sebuah negara jiran sentiasa bersedia bekerjasama dan berganding bahu dengan Laos dalam bidang-bidang di mana Malaysia mempunyai pengalaman, kepakaran dan kemampuan selaras dengan komitmen kami terhadap usaha-usaha meluaskan lagi kerjasama Selatan-Selatan.

8. Lawatan Tuan Yang Terutama ke Malaysia sebenarnya tepat pada masanya. Negara-negara di Asia Tenggara secara individu ataupun secara bersama sedang dalam proses menangani perubahan-perubahan yang sedang berlaku di arena politik dan ekonomi antarabangsa. Justeru itu persefahaman, semangat setiakawan, pengukuhan persahabatan dan kerjasama di rantau ini perlu digalakkan dan ditingkatkan lagi. Kita mesti sanggup menyelesaikan sebarang masalah secara aman dan mengelakkan diri kita daripada mengambil tindakan-tindakan yang boleh membawa akibat buruk kepada keamanan di rantau ini. Sekarang adalah peluang yang sesuai bagi negara-negara di Asia Tenggara berusaha secara bersama untuk membangun dan menikmati kesejahteraan dalam suasana aman dan stabil yang berkekalan.

9. Proses perdamaian di Kemboja berikutan Perjanjian Perdamaian Paris, kini menghadapi beberapa cabaran. Saya percaya Laos sebagai sebuah negara jiran yang bersempadan dengan Kemboja sangat berharap agar proses perdamaian di negara itu akan berjalan lancar dan mencapai objektifnya. Kami di Malaysia mendukung harapan yang sama. Saya ingin mengingatkan kembali kerjasama rapat antara Laos dan Malaysia bersama-sama dengan puak-puak yang berkenaan di Kemboja dan negara-negara lain yang terlibat dalam usaha menghasilkan Perjanjian Perdamaian Paris berkenaan Kemboja. Kedua-dua negara kita telah memberi sumbangan yang agak bererti sebagai Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kedua, Persidangan Antarabangsa berkenaan Kemboja di Paris. Kita mesti mengakui bahawa kemajuan yang dicapai bagi memenuhi objektif Perjanjian Paris setakat ini tidak berjalan lancar. Oleh itu penyelesaian yang komprehensif dan berkekalan di Kemboja hanya boleh dicapai sekiranya semua puak di Kemboja memberi kerjasama sepenuhnya kepada Pihak Berkuasa Peralihan PBB di Kemboja (UNTAC) dalam melaksanakan mandat mereka serta menghormati keputusan yang dibuat oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

10. Di atas semangat kejiranan dan demi keamanan, kestabilan dan penyatuan serantau, Malaysia mengalu-alukan keputusan Laos menandatangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama di Asia Tenggara. Kami juga menyokong penuh keputusan ASEAN memberi status pemerhati kepada Laos dalam mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN. Kami berharap Laos akan dapat menjadi anggota

ASEAN satu hari nanti. Kami berpendirian Laos dan negara-negara lain di Asia Tenggara patut diberi peluang menikmati kemajuan yang pesat mulai dari sekarang. Ini akan membuka ruang kepada rantau ini menjadi kawasan pertumbuhan yang lebih dinamik lagi yang dapat memainkan peranan yang berkesan dalam sistem ekonomi dan dagangan dunia.

11. Kami mengalu-alukan perkembangan positif di dalam arena politik antarabangsa. Tetapi kami juga bimbang terhadap kemunculan corak baru kerjasama serantau dan antarabangsa yang lebih cenderung ke arah pewujudan sekatan dan kumpulan yang eksklusif. Kita kluatir akan peraturan-peraturan baru yang diperkenalkan yang mungkin akan membantutkan pertumbuhan negara-negara membangun. Dalam keadaan ini, saya percaya kerjasama yang lebih rapat antara negara-negara membangun adalah sangat perlu. Persidangan G-15 baru-baru ini, di mana Malaysia telah mengambil bahagian, telah mengenalpasti bidang-bidang kerjasama yang lebih luas yang boleh dijalankan oleh negara-negara Selatan.

12. Prospek mengembangkan kerjasama di rantau Asia Timur bagi mengukuhkan lagi ekonomi serantau yang dinamik adalah sangat baik. Justeru itu, cadangan Perundingan Ekonomi Asia Timur atau 'East Asia Economic Caucus' (EAEC) akan memberi sumbangan dan galakan yang bermakna kepada sistem perdagangan dunia yang bebas dan terbuka. Inisiatif ini akan mengukuhkan lagi pendekatan yang menyeluruh di kalangan negara-negara Asia Timur dalam menghadapi isu-isu penting yang melibatkan semua negara di rantau ini. Saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa EAEC adalah mekanisme perundingan yang akan memberi peluang kepada negara-negara di rantau Asia Timur berbincang dan menyelaraskan pandangan dan pendirian mereka mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan perdagangan dan perniagaan antarabangsa yang bebas.

13. Saya berharap Tuan Yang Terutama akan berasa selesa dan gembira semasa berada di Malaysia. Kami telah berusaha menyediakan aturcara yang diharapkan akan dapat memenuhi kehendak Tuan Yang Terutama. Kami sedar bahawa Laos baru saja kehilangan seorang pemimpin yang agung, Presiden Kaysone Phomvihane yang meninggal dunia baru-baru ini. Kami turut berdukacita di atas pemergian beliau dan kami menyanjung tinggi kesediaan Tuan Yang Terutama dan delegasi membuat kunjungan ke Malaysia dalam saat-saat ini demi untuk mengeratkan lagi hubungan dua hala sebagai memenuhi hasrat mendiang Presiden Kaysone.